

AEON BiG UMUM PELANTIKAN TSUGUTOSHI SEKO SEBAGAI PENGARAH URUSAN

Kuala Lumpur, 29 Ogos 2024 - AEON BiG (M) Sdn Bhd (AEON BiG) mengumumkan pelantikan Tsugutoshi Seko sebagai Pengarah Urusannya berkuat kuasa pada 1 September 2024. Seko menggantikan Sheikh Farouk Sheikh Mohamed, yang telah menerajui syarikat selama dua tahun.

Tsugutoshi Seko mempunyai pengalaman luas dan rekod pencapaian cemerlang di Kumpulan AEON. Beliau memulakan kerjayanya di AEON Co., Ltd., Jepun pada 1993. Beliau dilantik sebagai Pengurus, Jabatan Sumber Manusia Kumpulan sebelum dilantik sebagai Pengurus Besar, Jabatan Sumber Manusia Kumpulan pada 2015.

Beliau berkhidmat sebagai Pengurus Besar Kanan, AEON (Cambodia) Co., Ltd. dari 2018 hingga 2021, dan kemudian sebagai Pengerusi dan Pengarah Urusan AEON (Cambodia) Co., Ltd. Sebelum menyertai AEON BiG, Seko memegang jawatan sebagai Timbalan Pengarah Urusan, AEON CO. (M) BHD. yang memainkan peranan penting dalam menerajui pengawalseliaan dan penambahbaikan proses di AEON.

Pelantikan Seko merupakan satu detik penting bagi AEON BiG dan syarikat yakin di bawah kepimpinan beliau, AEON BiG akan terus menawarkan pelbagai pilihan dengan nilai hebat kepada pelanggannya.

AEON BiG ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Sheikh Farouk Sheikh Mohamed atas khidmat bakti dan kepimpinannya sepanjang beliau memegang jawatan sebagai Pengarah Urusan. Di bawah bimbingan beliau, AEON BiG telah mencapai pelbagai pencapaian penting dan memupuk budaya kecemerlangan serta inovasi. Komitmen beliau yang tidak berbelah bahagi terhadap organisasi telah meninggalkan kesan yang kekal, dan kami mengharapkan kejayaan berterusan dalam usaha beliau yang akan datang.

-Tamat-

Mengenai AEON BiG

AEON BiG (M) SDN BHD kini mengendalikan 22 pasar raya besar dengan nama dagang "AEON BiG" di Malaysia. Sebagai peruncit terkemuka di Malaysia yang komited menyediakan pengalaman membeli-belah yang luar biasa, kami menawarkan nilai yang tiada tandingan, memenuhi keperluan pelbagai pengguna Malaysia dengan gabungan unik barangan tempatan dan import, promosi yang meluas, dan perkhidmatan pelanggan yang unggul. Matlamat AEON BiG adalah untuk memastikan pengalaman membeli-belah yang terbaik dan paling selesa untuk pelanggan kami.

Berpandukan kepada falsafah "Pelanggan Didahulukan", pemahaman syarikat yang mendalam mengenai keperluan pasaran sasaran yang dibantu oleh campuran produk yang optimum, AEON melangkaui jangkaan pelanggannya dan meningkatkan pengalaman mereka setiap kali berbelanja.

Berbekalkan semangat yang terpacu pada nama AEON yang bermaksud keabadian dalam bahasa Latin, AEON terus berusaha untuk berkolaborasi dengan pelanggan, pembekal, rakan niaga, pemegang saham dan masyarakat setempat untuk mewujudkan peluang masa hadapan tanpa sempadan.

Untuk maklumat lanjut, sila layari:

- Facebook: MY AEON BiG
- Instagram: myaeonbig
- LinkedIn: AEON BiG (M) Sdn Bhd
- Laman Web: www.aeonbig.com.my

Untuk sebarang pertanyaan media, sila hubungi:

Nur Hazirah Marzuki

Pengurus Komunikasi dan Media

AEON BiG (M) Sdn Bhd

T: 017-6951348

E: n.hazirah@aeonbig.com.my

Nazwan Effendy Choong

Ketua Pemasaran

AEON BiG (M) Sdn Bhd

T: 012-376 0326

E: nazwan.effendy@aeonbig.com.my